

UiTM DUDUKI TANGGA TERATAS

Dahului
pasukan lain
kutip pingat

Oleh Wan Asrundi Wan Hasan
wanasr@hmetro.com.my

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) nyata mendominasi saingan Fasa I, Kejohanan Sukan antara Universiti, Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (Masum) 2006 selepas kejayaan meraih 15 emas, enam perak dan 15 gangsa sepanjang lima hari kejohanan berlangsung.

Pencabar terdekat, Universiti Malaya (UM) pula memungut 14 emas, 11 perak dan 11 gangsa sementara Universiti Putra Malaysia (UPM) ketiga dengan tujuh emas, lima perak dan tujuh gangsa.

Ternyata kejayaan UiTM memenangi saingan futsal, memanah (lelaki dan wanita), tenis (lelaki dan wanita), softball (lelaki dan wanita) serta acara silat keseluruhan membolehkan pasukan tuan rumah itu berada di kedudukan rangkin teratas pungutan pingat.

Saingan Fasa II yang bermula semalam menyaksikan beberapa lagi acara dipertandingkan antaranya bola keranjang (lelaki dan wanita), catur (lelaki dan wanita), ping pong, taekwondo, ragbi, boling padang (lelaki dan wanita), kriket dan golf.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) membuktikan

Kedudukan Pingat Keseluruhan

Kejohanan Masum 2006			
Fasa Satu (12 hingga 16 Mei)			
UNIVERSITI	EMAS	PERAK	GANGSA
UiTM	15	6	15
UM	14	11	11
UPM	7	5	7
UTM	5	7	7
UKM	5	5	2
UPSI	4	1	9
KUITTHO	2	4	6
UUM	1	3	3
KUIM	1	2	2
KUSTEM	1	1	2
USM	0	5	0
UIAM	0	4	2
UNITEN	0	1	2
UNIMAS	0	1	1

kehebatan dalam acara catur lelaki apabila mendahului dengan mengumpul enam setengah mata, mengatasi, UM yang memperoleh enam mata dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), lima mata.

Kategori wanita pula menyaksikan persaingan sengit di antara pendahulu, UM dan tuan rumah, UiTM yang sama-sama meraih lima setengah mata manakala UPM, UTM dan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), berkongsi di tempat kedua dengan pungutan lima mata dan tempat ketiga dimiliki

pasukan UKM dan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan tiga mata.

Bagi perlawanan ping pong lelaki yang berlangsung di sebelah pagi, UiTM menewaskan UPM 3-2, UKM mengalahkan UTM 3-2, USM mengatasi Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) 4-1 dan UM membelah sah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUITTHO) 5-0.

Manakala saingan ping pong wanita, USM mengalahkan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) 3-0; UTM menang tipis 2-1 ke atas UKM; UM mengalahkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 3-0 dan UPM menumpaskan Universiti Utara Malaysia (UUM) juga 3-0.

Sementara itu, saingan acara ragbi menyaksikan beberapa pasukan pilihan berjaya melepasi halangan pertama antaranya juara bertahan, UiTM menewaskan UIAM, 15-7, UPM mengalahkan UNITEN, 15-7, UKM membenam UPSI, 27-12, UTM kalahkan KUITTHO, 21-10, UM mengatasi UUM, 27-0, manakala KUKUM mengalahkan KUTKM, 28-5.